


**SJK(C) YUK CHAI, PETALING JAYA
UJIAN PENULISAN BAHASA MALAYSIA TAHUN 3
KALI KETIGA (3/2016)**

NAMA: _____ ()
KELAS: 3 ()

MARKAH : _____
TARIKH : 17-10-2016
MASA : 1 JAM

A. Bina lima ayat berdasarkan gambar tunggal yang diberikan. (15%)



B. Lengkapkan karangan dengan frasa yang diberikan. (20%)

dapat menikmati	baik untuk kesihatan	melihat kawasan	cukup besar	para pekerja
sungguh gembira	menyertai rombongan	pengeluaran daging	pada pukul	mendapatkan susu.

Vinod dan kawan - kawannya (1) _____ Kelab Dunia

Sains sekolah mereka ke ladang ternakan lembu. Mereka bertolak

(2) _____ 8.00 pagi.

Encik Hasan, pemilik ladang itu menyambut kedatangan mereka. Dia membawa Vinod dan rakan - rakannya (3) _____ ladangnya.

Menurut Encik Hasan, lembu-lembu di kawasan itu diternak untuk tujuan (4) _____. Lembu - lembu itu akan dijual apabila (5) _____ dan matang. Selain itu, lembu - lembu tersebut juga diternak untuk (6) _____ segar. Susu itu berkhasiat dan (7) _____. Susu lembu mengandungi kalsium yang tinggi.

Vinod dan rakan - rakannya melihat (8) _____ di situ memerah susu lembu. Mereka juga (9) _____ rasa susu segar itu.

Sebelum Vinod dan rombongannya pulang, Encik Hasan sempat memberikan susu segar kepada mereka. Vinod dan rakan - rakannya berasa (10) _____ kerana telah mendapat pelbagai ilmu hasil daripada lawatan itu.

C. Lengkapkan dialog dengan kata ganti nama diri yang diberikan. (10%)

kita	saya	mereka	beliau	awak
------	------	--------	--------	------

- Kunalan : Apakah yang (1) _____ tulis, Kim Ho?
- Kim Ho : (2) _____ sedang mencatat maklumat tentang Pandalela Rinong Anak Pamg. Beliau merupakan atlet negara yang telah berjasa kepada negara.
- Kunalan : Bolehkah kamu beritahu serba sedikit mengenai beliau?
- Kim Ho : Boleh.(3) _____ merupakan atlet negara dalam acara terjunan 10 meter. Beliau dilahirkan pada 2 Mac 1993 di Sarawak. Beliau berjaya memenangi pingat perak di Sukan Olimpik 2016 di Brazil. Pada usia yang muda, beliau berjaya meraih pelbagai kemenangan.
- Kunalan : Wah, besar jasanya kepada negara (4) _____ !.
- Kim Ho : Ya, Kunalan. Ramai lagi anak Malaysia yang telah berjaya mengharumkan nama negara kita. Mereka terdiri daripada pelbagai latar belakang yang berbeza.
- Kunalan : Saya juga ingin mengikut jejak langkah (5) _____ apabila besar nanti.

D. Jawab soalan berdasarkan petikan yang diberikan. (10%)

Satu pameran dan jualan hasil pertanian telah diadakan di Stadium Kelana Jaya. Pameran tersebut diadakan selama seminggu.

Pameran ini disertai oleh petani-petani dari seluruh Selangor. Menurut seorang pegawai pertanian, Encik Ahmad Ramlee, pameran ini diadakan untuk membantu petani menjual tanaman mereka terus kepada pembeli.

Seorang peserta pameran ini, Pak Harun menyatakan rasa gembira kerana dapat menjual hasil kebunnya seperti pisang, nangka, keledek dan sayur-sayuran dengan cepat dan mudah. Hasil jualannya memuaskan kerana ramai orang yang datang ke pameran itu.

Pameran ini dikunjungi oleh penduduk dari seluruh Selangor dan para pelancong juga. Mereka berpuas hati dengan barang-barang di pameran itu kerana sayur - sayuran di situ segar dan harganya murah.

1) Apakah yang diadakan di Stadium Kelana Jaya?






2) Siapakah yang menyertai pameran ini?

3) Mengapa Pak Harun gembira?

4) Bagaimanakah keadaan sayur-sayuran di pameran itu?

5) Siapakah yang mengunjungi pameran itu?

E. Nomborkan ayat berdasarkan gambar. (10%)



	Penggunaan NGV membantu mengurangkan pencemaran udara.
	LRT ialah pengangkutan awam yang menggunakan tenaga elektrik.
	Kereta elektrik ialah sejenis kereta yang mesra alam.
	Motosikal elektrik bergerak menggunakan kuasa bateri.
	Panel solär banyak dipasang di taman perumahan.

F. Betulkan kesalahan ejaan dan tanda baca di dalam petikan. (5%)

Kemudian salin semula petikan tersebut dengan jawapan yang betul. (10%)

Pada hujung minggu yang lalu, Ali telah pergi ke pameran kamera digital. Ali kagum melihat kamera digital pintar yang dijual di situ. Dia tertarik dengan sebuah kamera digital pintar yang mempunyai jaringan Internet 3G dan Wifi. Ia membolehkan pengguna memuat turun gambar terus dari kamera ke laman sosial. Terdapat juga tiga pilihan warna yang menarik dipamerkan iaitu hitam putih dan merah. Keistimewaan kamera ini juga ialah ringan berbanding kamera digital yang laien. Pengguna boleh membawa kamera digital dengan meletakkannya di dalam beg.

More from 30.Com.my
Not for Sale

6. Lengkapkan ayat dengan kata ganda penuh yang betul (20%)

anai - anai	layang - layang	lori - lori-	sisa - sisa	aktiviti - aktiviti
sama - sama	orang - orang	labah - labah-	alat - alat.	pokok - pokok

1. Kanak-kanak bermain _____ di padang.
2. Bilik itu terdapat banyak sarang _____.
3. Tiang yang diperbuat daripada kayu itu reput kerana dimakan oleh _____.
4. _____ itu sedang mengangut pasir ke kawasan pembinaan.
5. Halim memberikan _____ makanan semalam kepada ayam - ayam peliharaannya.
6. Pak Ali meletakkan _____ di tengah sawahnya untuk menakutkan burung-burung.
7. " Kita mesti _____ menjaga kebersihan alam sekitar," kata Aiman kepada Kim Ho.
8. _____ yang dijalankan semasa Kempen Alam Sekitar SJKC Yuk Chai sangat menarik.
9. Gunakan _____ elektrik dengan betul untuk menjimatkan elektrik.
10. _____ yang terdapat di hutan mestilah dipelihara.

Answer

- A. 1. Dua orang budak sedang menunggang basikal dengan gembiranya.
2. Seorang pemuda mengumpul surat-khabar lama untuk dikitar semula.
3. Benih membuang batol ke dalam tong kitai semula.
4. Seorang lelaki dihajar oleh polis kerana membuang sampah merata-rata tempat.
5. Seorang perempuan menanam buaya untuk mencintikkan kawasan rumah.
- B. 1. menyertai rombongan 2. pada pokal
3. melihat kawasan 4. pengeluaran daging
5. cukup besar 6. mendapat susu
7. baik untuk kesihatan 8. para petrojor
9. dapat menikmati 10. sungguh gembira
- C. 1. awak 2. Saya 3. Beliau 4. kita, si merdeka.
- D. 1. Satu pameran dan jualan hasil pertanian telah diadakan di Stadium Kelana Jaya.
2. Pameran ini disentuh oleh petani-petani dari seluruh Selangor.
3. Pak Harun gembira kerana dapat menjual hasil kebunnya seperti pisang, nangka, keludak dan sayur-sayuran dengan cepat dan mudah.
4. Sayur-sayuran di pameran itu segar dan harangnya murah.
5. Pameran ini ditunjungi oleh penduduk dari seluruh Selangor dan para pelancong.
- E. 3, 2, 4, 5, 1

Pada hujung minggu yang lalu, Ali telah pergi ke Pameran Kamera Digital. Ali kagum melihat kamera digital pintar yang dijual di situ. Dia tertarik dengan sebuah kamera digital pintar yang mempunyai jaringan Internet 3G di WiFi. Ia membolehkan pengguna memuat turun gambar dari kamera ke laman sosial. Terdapat juga tiga pilihan warna yang menarik dipamerkan sahaja hitam, putih dan merah. Keistimewaan kamera ini juga ialah ringan berbanding kamera digital yang lain. Pengguna boleh membawa kamera digital dengan mudahnya di dalam beg.

- | | |
|------------------|----------------------|
| 9. layang-layang | 6. orang-orang |
| 2. labah-labah | 7. sama-sama |
| 3. ansi-ansi | 8. aktiviti-aktiviti |
| 4. Lori-lori | 9. alat-alat |
| 5. sisa-sisa | 10. pokok-pokok |